



## TANGGAPAN MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP RAJANG ESPLANADE SIBU, SARAWAK

*(The Perception of The Local Community towards Rajang Esplanade Sibu, Sarawak)*

Shaik Azahar Shaik Hussain<sup>1\*</sup>, Diana Sudan Gerunsin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [shazahar@unimas.my](mailto:shazahar@unimas.my)

Received: 23 August 2021 • Accepted: 19 October 2021 • Published: 31 October 2021

### **Abstract**

*This study was conducted to find out the perception of the local community towards Rajang Esplanade Sibu, Sarawak. The study also aims to identify the causes of sound pollution, study the causes of unsatisfactory hygiene problems and to analyze the community's assessment of the facilities at Rajang Esplanade Sibu. In conducting this study, the researcher used quantitative methods to obtain data. A total of 384 respondents from the local community of Sibu were involved in answering the questionnaires that distributed. This study focuses on the perception of the local community to make Rajang Esplanade Sibu as a suitable and comfortable recreational place.*

**Keywords:** Local Community, Perception, Rajang Esplanade Sibu, Recreational Place, Sarawak

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tanggapan masyarakat setempat terhadap Rajang Esplanade Sibu, Sarawak, Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti punca pencemaran bunyi, mengkaji punca masalah kebersihan yang kurang memuaskan dan untuk menganalisis penilaian masyarakat terhadap kemudahan di Rajang Esplanade Sibu. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data. Sebanyak 384 responden terdiri daripada masyarakat setempat Sibu terlibat dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Kajian ini memfokuskan tanggapan masyarakat setempat untuk menjadikan Rajang Esplanade Sibu, Sarawak sebagai tempat riadah yang sesuai dan selesa.

**Kata kunci:** Masyarakat Setempat, Rajang Esplanade Sibu, Sarawak, Tanggapan, Tempat Riadah

**Cite as:** Hussain, S. A. S., & Gerunsin, D. S. (2021). The Perception of The Local Community towards Rajang Esplanade Sibu, Sarawak. *Asian People Journal*, 1(1), 63-71.

## PENGENALAN

Di Sibu terdapat sebuah tempat rekreasi yang amat sesuai untuk melihat pemandangan Sungai Rajang iaitu Rajang Esplanade Sibu. Rajang Esplanade Sibu, Sarawak yang terletak di tepi Sungai Rajang. Esplanade merupakan sebuah kawasan buatan manusia yang lapang, panjang, terbuka dan kebiasaannya berada di tepi sungai serta menjadi tempat untuk orang ramai bersiar-siar. Rajang Esplanade Sibu berada berhampiran dengan terminal bot ekspress penumpang yang merupakan antara terminal bot yang sesak.

Rajang Esplanade merupakan sebuah kawasan untuk beriadah dan melakukan aktiviti rekreasi. Walau bagaimanapun, Rajang Esplanade kini menjadi sebuah kawasan yang sesak dan bising. Perkara ini berlaku kerana Rajang Esplanade bertempat di tengah bandar Sibu. Berlakunya pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu membuatkan keadaan kawasan tersebut sangat terganggu daripada mendapatkan ketenangan untuk beriadah (Abas, 2017). Kesesakan berlaku di seluruh laluan jalan raya kawasan Rajang Esplanade kerana orang ramai berhenti dan meletakkan kereta di tepi jalan. Ini membuatkan sekitar kawasan tersebut sibuk dan bising.

Kawasan yang diuruskan oleh Majlis Perbandaran Sibu (MPS) ini membayar pekerja kontrak untuk menyapu dan mengutip sampah di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kebersihan di kawasan tersebut masih kurang memuaskan (Zakinan, 2019). Terdapat tадahan air pada laluan pejalan kaki di kawasan tersebut terutamanya selepas hujan. Keadaan ini menyebabkan kawasan tersebut becak dan kotor apabila dilalui oleh orang ramai. Selain itu, rumput di kawasan tersebut juga sangat kotor dan becak sehingga menyebabkan orang yang melaluinya juga kotor. Ini membuatkan pengunjung sangat tidak selesa dan kesal berkunjung ke kawasan tersebut.

Masyarakat setempat juga merasakan bahawa kurang kemudahan di Rajang Esplanade Sibu untuk tidak berkunjung (Teppo, 2018). Masalah yang sering dihadapi oleh pengunjung yang berkunjung ke Rajang Esplanade ialah, kekurangan tempat letak kenderaan. Kawasan tersebut sememangnya mengalami masalah kekurangan tempat letak kenderaan kerana Rajang Esplanade terletak di tengah-tengah bandar. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti punca pencemaran bunyi, mengkaji masalah kebersihan yang kurang memuaskan dan menganalisis penilaian masyarakat terhadap kemudahan di Rajang Esplanade Sibu.

Tanggapan bermaksud sesuatu yang ditanggap oleh pancaindera atau gambaran yang diterima dalam hati. Tanggapan dimana dalam Bahasa Inggeris ialah *response* juga sama erti dengan kata anggapan, pendapat, pandangan dan andaian. Menurut Zachary & Kuzuhara (2005), tanggapan merupakan proses untuk seseorang individu menterjemahkan persekitarannya dan ia termasuk bagaimana seseorang itu bertindak balas terhadap ransangan di sekelilingnya serta menginterpretasikan ke dalam bentuk yang difahami. Seorang pakar bahasa mengatakan bahawa tanggapan ditakrifkan sebagai reaksi seseorang yang berupa pendapat pada sesuatu peristiwa atau kejadian yang dilihat, dibaca, didengari dan dialaminya sendiri. Menurut Soemardjan (1974), masyarakat ialah orang yang hidup bersama dan menghasilkan kebudayaan. Oleh itu, di setiap tempat akan terlihat dimana gaya hidup masyarakat hampir sama dan bersesuaian dengan persekitaran. Masyarakat juga merupakan komuniti

yang hidup saling bergantung antara satu sama lain dan membentuk sebuah sistem, sama ada semi terbuka ataupun semi tertutup di mana terjadinya interaksi berlaku sesama individu yang berada dalam kelompok tersebut sahaja.

Rajang Esplanade Sibu merupakan sebuah tempat riadah dan persiaran terletak di tengah-tengah Bandar Sibu yang dibina pada tahun 1987 dengan menggunakan tanah ditebus sepanjang Sungai Rajang. Rajang Esplanade Sibu berada sepanjang perjalanan di antara Terminal Bot Ekspres Sibu hingga ke Kingwood Hotel Sibu dimana mengambil sekitar 5-7 minit bagi pejalan kaki. Taman ini dibina bersama oleh Persatuan Ketiga, Keenam dan Ketujuh, Persatuan Koh Yang Hii Sarawak dan SMC untuk memperingati Konvensyen Dunia Dua Dwi Konvensyen Persatuan Xu Clannish di Sibu pada tahun 2002. Rajang Esplanade adalah salah satu daripada 22 taman komuniti di Sibu kebanyakannya didermakan oleh persatuan klan Cina. Taman ini bukan sahaja untuk masyarakat setempat beriadah tetapi merupakan salah satu budaya material oleh klan Cina di Sibu.

## METODOLOGI

Pengkaji membuat rujukan dari pembacaan jurnal, buku dan artikel untuk menjalankan kajian. Untuk mendapatkan pandangan yang lebih jelas terhadap kawasan tersebut, pengkaji pergi ke lokasi kajian dan membuat tinjauan sendiri. Pengkaji menyediakan beberapa soalan untuk ditanyakan kepada masyarakat setempat yang merupakan responden untuk kajian ini. Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini ialah reka bentuk deskriptif. Reka bentuk deskriptif bermatlamat untuk menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif adalah kajian di mana pengkaji menentukan apa yang ingin dikaji, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikira daripada responden dan menganalisiskan nombor tersebut menggunakan statistik. Oleh itu, instrumen yang sesuai digunakan oleh pengkaji ialah borang soal selidik. Borang soal selidik merupakan borang yang mengandungi soalan-soalan yang telah disusun dan bersesuaian untuk diajukan kepada responden. Soalan pada borang tersebut berbentuk objektif, tertutup dan telah ditetap. Pengkaji telah menggunakan dua teknik pengumpulan data untuk kajian ini iaitu kajian kepustakaan dan kajian kerja lapangan.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan jadual demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Demografi responden melibatkan jantina, umur, bangsa, negeri asal, tempat bermastautin, tahap pendidikan dan pekerjaan. Daripada jadual tersebut, dapat dilihat pengkaji memperolehi lebih ramai responden perempuan berbanding responden lelaki. Pengkaji mendapati lebih mudah untuk mendapatkan responden perempuan berbanding lelaki. Responden perempuan pula lebih mudah memberi kerjasama. Bagi umur pula, responden yang diperolehi lebih banyak dalam lingkungan umur 21-25 tahun. Majoriti responden pula berbangsa Iban iaitu sebanyak 53.90% dan hampir keseluruhan yang berasal dari Negeri Sarawak. Memandangkan pengkaji mengedarkan borang soal selidik ke Rajang Esplanade Sibu dan kawasan yang berdekatan, responden yang diperolehi juga majoriti bermastatutin di Sibu iaitu sebanyak 74%. Tahap pendidikan responden kebanyakannya pada peringkat Sijil Pelajaran Tinggi (SPM) iaitu sebanyak 32% dan majoriti masih berstatus pelajar iaitu 38% daripada jumlah keseluruhan responden sebanyak 384 orang.

Jadual 1: Demografi Responden

<b>Demografi</b>		<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>	<b>Lelaki Perempuan</b>	<b>44% 56%</b>
<b>Umur</b>	<b>15-20 tahun 21-25 tahun 26-30 tahun 31-35 tahun 36-40 tahun 41-45 tahun 46-50 tahun 51-55 tahun 56-60 tahun 61-65 tahun 66-70 tahun</b>	<b>15.4% 39.3% 18.5% 11.2% 5.5% 3.6% 2.1% 3.4% 0.3% 0.3% 0.5%</b>
<b>Bangsa</b>	<b>Cina Melayu Melanau Iban Lain-lain</b>	<b>10.7% 16.9% 12.5% 53.9% 6%</b>
<b>Negeri Asal</b>	<b>Sarawak Sabah Johor Selangor Pahang Perak Kuala Lumpur</b>	<b>97.1% 1% 0.3% 0.3% 0.8% 0.3% 0.3%</b>
<b>Tempat Mastautin</b>	<b>Sibu Sarikei Mukah Kapit Sri Aman Bintulu Betong Serian Kuching Miri Kota Kinabalu Ipoh</b>	<b>74% 1.6% 2.3% 2.1% 1.6% 3.6% 1% 0.5% 11.7% 1% 0.3% 0.3%</b>
<b>Pekerjaan</b>	<b>Pelajar Kerajaan Swasta Bekerja Sendiri Tidak Bekerja</b>	<b>38% 13% 23.7% 17.4% 7.8%</b>
<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>PT3/PMR/SRP SPM STPM/Matrikulasi/Asasi/Diploma Sijil Kemahiran Ijazah Sarjana Muda Ijazah Sarjana Tiada Pendidikan Formal Lain-lain</b>	<b>6.3% 32% 29.7% 3.6% 22.9% 1.8% 1.8% 1.8%</b>

Jadual 2: Silang antara jantina dan terhadap terdapat pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu

		Terdapat pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu		<b>Jumlah</b>
		<b>Positif</b>	<b>Negatif</b>	
<b>Jantina</b>	<b>Lelaki</b>	135	36	171
	<b>Perempuan</b>	159	54	213
<b>Jumlah</b>		294	90	384
<b>Peratus (%)</b>		77%	23%	100%

Jadual 2 menunjukkan silang antara jantina dan terhadap terdapat pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu. Responden mengedarkan borang soal selidik secara rawak pada dua-dua jantina lelaki dan perempuan. Berdasarkan jadual tersebut, responden perempuan lebih banyak daripada responden lelaki iaitu sebanyak 213 orang berbanding 171 orang responden lelaki. Majoriti keputusan daripada responden lelaki dan perempuan positif mengatakan terdapat pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu iaitu sebanyak 294 orang atau 77% responden. Sebanyak 90 orang atau 23% responden memberi jawapan negatif untuk pernyataan terdapat pencemaran bunyi di

Rajang Esplanade Sibu. Secara keseluruhan, keputusan menunjukkan sememangnya terdapat pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu.

Jadual 3: Analisis antara punca-punca pencemaran di Rajang Esplanade Sibu

	Punca pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu				
	Para penjaja di sekitar Rajang Esplanade Sibu menimbulkan bunyi bising	Bunyi dari kesesakan lalu lintas menyebabkan pencemaran bunyi	Bunyi bising berpunca daripada kawasan kediaman penduduk berdekatan Rajang Esplanade Sibu	Aktiviti perniagaan berdekatan merupakan salah satu punca pencemaran bunyi	Aktiviti di perairan Rajang mengakibatkan pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu
Positif	257	324	195	265	211
Peratus Positif (%)	67%	84%	51%	69%	55%
Negatif	127	60	189	119	173
Peratus Negatif (%)	33%	16%	49%	31%	45%

Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden memberikan jawapan positif mengatakan berikut merupakan antara punca pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu. Jumlah bagi jawapan negatif daripada responden menunjukkan nilai yang lebih rendah daripada pilihan positif untuk semua punca yang disenaraikan. Bunyi dari kesesakan lalu lintas merupakan pernyataan yang mendapat jumlah pilihan positif yang tertinggi sebagai punca pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu iaitu sebanyak 324 atau 84%. Responden kebanyakannya memberi jawapan positif mengatakan bahawa para penjaja berdekatan yang menimbulkan bunyi bising dan aktiviti perniagaan berdekatan merupakan punca pencemaran bunyi di Rajang Esplanade Sibu. Pengkaji mendapati Rajang Esplanade Sibu pernah menjadi tapak menjaja pada hujung tahun 2019 hingga awal tahun 2020. Secara keseluruhannya jumlah bagi pilihan negatif oleh responden mencatatkan pilihan yang lebih sedikit berbanding pilihan positif.

Jadual 4 menunjukkan kebanyakannya responden berumur 21-25 tahun. Dapat dilihat dengan jelas pada jadual tersebut, golongan masyarakat majoriti yang mengunjungi Rajang Esplanade Sibu iaitu golongan berumur 21-25 memberikan keputusan yang positif bahawa persekitaran yang bersih mempengaruhi kunjungan ke Rajang Esplanade Sibu. Secara keseluruhannya pula, majoriti responden memberikan pilihan yang positif terhadap pernyataan tersebut. Seramai 321 orang responden pada pilihan positif dan hanya 63 orang responden pada pilihan negatif. Dari pemerhatian pengkaji, terdapat masyarakat yang tidak mempedulikan masalah kebersihan di kawasan tersebut kerana golongan masyarakat ini berkunjung ke Rajang Esplanade Sibu setiap hari untuk memancing dan mencari rezeki dengan menjual barang kepada pengunjung lain. Konklusinya, masyarakat setuju bahawa persekitaran yang bersih mempengaruhi kunjungan ke Rajang Esplanade Sibu.

Jadual 4: Analisis silang antara umur dan persekitaran yang bersih mempengaruhi kunjungan ke Rajang Esplanade Sibu

	Persekutuan yang bersih mempengaruhi kunjungan ke Rajang Esplanade Sibu		Jumlah
	Positif	Negatif	
Umur	15-20	51	59
	21-25	128	151
	26-30	58	71
	31-35	35	43
	36-40	19	21
	41-45	12	14
	46-50	7	8
	51-55	10	13
	56-60	0	1
	61-65	0	1
	66-70	1	2
Jumlah	321	63	384
Peratus (%)	84%	16%	100%

Berdasarkan Jadual 5, majoriti jumlah bagi pilihan jawapan positif mencatatkan jumlah yang paling banyak untuk pernyataan mengenai beberapa masalah kebersihan di Rajang Esplanade Sibu yang telah dikaji. Hanya pernyataan bau dari Sungai Rajang mempengaruhi penggunaan Rajang Esplanade Sibu mendapat pilihan negatif lebih banyak berbanding positif. Pernyataan terdapat masalah kebersihan di tandas awam Rajang Esplanade Sibu mencatatkan jumlah positif yang tertinggi iaitu sebanyak 297. Keseluruhan keputusan menunjukkan sememangnya terdapat masalah kebersihan yang kurang memuaskan di Rajang Esplanade Sibu dan keputusan ini mencapai objektif.

Jadual 5: Analisis masalah kebersihan yang kurang memuaskan di Rajang Esplanade Sibu

	Masalah kebersihan yang kurang memuaskan di Rajang Esplanade Sibu					
	Terdapat sampah sarap di sekitar Rajang Esplanade Sibu	Terdapat takungan air kerana laluan yang tidak rata	Laluan pejalan kaki di kawasan Rajang Esplanade Sibu berlumut	Bau dari sungai mempengaruhi penggunaan Rajang Esplanade Sibu	Terdapat masalah kebersihan di tandas awam Rajang Esplanade Sibu	Bau asap kenderaan mempengaruhi kebersihan Rajang Esplanade Sibu
Positif	269	247	248	189	297	240
Peratus Positif (%)	70%	64%	65%	49%	77%	63%
Negatif	115	137	136	195	87	144
Peratus Negatif (%)	30%	36%	35%	51%	23%	38%

Daripada Jadual 6, majoriti responden dari Sibu kerana pengkaji mengedarkan borang soal selidik di Sibu dan lebih tertumpu pada masyarakat di Sibu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa responden dari bandar lain kerana pengkaji turut menjalankan soal selidik kepada yang tinggal atau ke Sibu walaupun sementara. Pengkaji juga turut menjalankan soal selidik kepada yang pernah datang ke Sibu kerana, pengkaji ingin melihat pada pandangan orang dari luar Sibu terhadap Rajang Esplanade Sibu. Daripada keputusan yang dapat dilihat di jadual tersebut, masyarakat Sibu berada pada pilihan positif mengatakan bahawa kemudahan di Rajang Esplanade Sibu

digunakan sepenuhnya oleh masyarakat. Pengkaji sendiri turut melihat antara kemudahan yang digunakan sepenuhnya oleh masyarakat ialah, tandas awam dan tempat letak kenderaan.

Jadual 6: Analisis antara bandar responden dan penilaian responden terhadap kemudahan di Rajang Esplanade Sibu

		Kemudahan di Rajang Esplanade Sibu digunakan sepenuhnya oleh masyarakat		Jumlah
		Positif	Negatif	
Bandar	Betong	1	3	4
(Mastautin)	Bintulu	10	4	14
	Ipoh	1	0	1
	Kapit	7	1	8
	Kota Kinabalu	1	0	1
	Kuching	25	20	45
	Miri	3	1	4
	Mukah	7	2	9
	Sarikei	4	2	6
	Serian	2	0	2
	Sibu	175	109	284
	Sri Aman	6	0	6
Jumlah		242	142	384
Peratus (%)		63%	37%	100%

Jadual 7 menunjukkan penilaian terhadap tiga kemudahan utama di Rajang Esplanade Sibu dan mendapat keputusan positif terbanyak daripada responden. Penyataan tempat letak kenderaan di Rajang Esplanade Sibu terhad mendapat keputusan positif yang tertinggi iaitu sebanyak 325. Pengkaji telah menjalankan pemerhatian dan melihat sendiri keadaan tempat letak kenderaan di Rajang Esplanade Sibu yang tidak mencukupi. Penyataan pihak pengurusan menyediakan pengawal keselamatan di Rajang Esplanade Sibu juga turut mendapat jumlah keputusan positif sebanyak 232 atau 60%. Pengkaji mendapat sememangnya ada pengawal keselamatan yang menjaga kawasan tersebut tetapi terdapat masyarakat tidak pasti kerana pengawal keselamatan tersebut jarang dilihat berada di kawasan itu. Seterusnya, bagi penyataan terdapat kemudahan pengangkutan di Rajang Esplanade Sibu, keputusan menunjukkan jumlah keputusan positif yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 317. Kemudahan pengangkutan awam yang terdekat ialah pengangkutan bot penumpang Sibu yang terletak sebelah kiri Rajang Esplanade Sibu. Berdekatannya lagi terdapat pengangkutan awam bas berhenti-henti sekitar Bandar Sibu hingga Hulu Lanang, van penumpang dan teksi.

Setelah menjalankan kajian ini, pengkaji mempunyai idea baru dan cadangan untuk dikemukakan supaya Rajang Esplanade Sibu mampu dibangunkan lagi. Cadangan ini sangat berguna kepada masyarakat setempat, pihak pengurusan Rajang Esplanade Sibu dan pengkaji akan datang. Masyarakat setempat perlulah menjaga persekitaran di Rajang Esplanade Sibu supaya keadaan tempat tersebut terkawal. Rajang Esplanade Sibu bukanlah tempat yang sangat luas untuk diberi prihatin, tetapi sekiranya semua masyarakat mengambil berat akan kawasan tersebut, tidak hairanlah kawasan tersebut menjadi sangat ceria untuk dikunjungi.

Pihak pengurus hendaklah mencari jalan penyelesaian untuk masalah yang telah dikemukakan iaitu masalah pencemaran bunyi, kebersihan dan kemudahan di Rajang Esplanade Sibu. Kawasan tersebut berada di pusat Bandar Sibu dan semestinya memberi impak kepada imej Sibu. Oleh itu, masalah di kawasan tersebut haruslah dibendung. Selain itu, tempat tersebut dikatakan taman peringatan sebuah etnik yang terbesar di Sibu. Jadi, Rajang Esplanade Sibu merupakan sebuah tempat di mana orang luar akan pergi untuk mengenali Sibu.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat masalah pencemaran bunyi, masalah kebersihan dan masalah kemudahan yang berlaku di Rajang Esplanade Sibu. Pengkaji akan datang boleh menjalankan kajian bagaimana cara yang terbaik untuk mengelakkan masalah-masalah tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji juga turut mendapati Rajang Esplanade Sibu semakin kurang dikunjungi oleh masyarakat setempat. Oleh itu, pengkaji akan datang patut mengenalpasti punca tempat tersebut semakin kurang dikunjungi dalam beberapa aspek seperti pembangunan, teknologi dan geografi.

Jadual 7: Analisis penilaian masyarakat terhadap kemudahan di Rajang Esplanade Sibu

	Penilaian masyarakat terhadap kemudahan di Rajang Esplanade Sibu		
	Tempat letak kenderaan di Rajang Esplanade Sibu terhad	Pihak pengurusan menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan di Rajang Esplanade Sibu	Terdapat kemudahan pengangkutan awam berdekatan dengan Rajang Esplanade Sibu
Positif	325	232	317
Peratus (%)	85%	60%	83%
Negatif	59	152	67
Peratus (%)	15%	40%	17%

## KESIMPULAN

Pengkaji mendapati terdapat hubungkait antara objektif dan demografi responden. Pengkaji juga berjaya mencapai objektif kajian ini dengan beberapa soalan yang telah dibentuk. Rajang Esplanade Sibu bukan sahaja tempat beriadah malah merupakan tempat di mana pengunjung dapat melihat suasana Sibu dengan jelas. Oleh itu, masalah di kawasan tersebut perlu diambil berat. Pengkaji berharap agar cadangan yang dikemukakan dapat memberi manfaat kepada masyarakat, pihak pengurus, pengkaji akan datang dan pihak yang berkenaan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan atas sokongan Sibu Municipal Council (SMC) dan turut dibantu oleh Encik Shaik Azahar Shaik Hussain yang merupakan penyelia kepada pengkaji dari Universiti Malaysia Sarawak.

## RUJUKAN

- Abas, A., Awang, A., & Saad, M. J. (2017). Impak bilangan kenderaan terhadap pencemaran bunyi di Bandar Hilir, Melaka. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4), 47-55.
- Clawson, M., & Knetsch, J. L. (1974). *Leisure in modern America*. Englewood Cliffs, NJ, Prentice-Hall.
- Cordes, K. A., & Ibrahim, H. (2003). *Applications in recreation & leisure: for today and the future*. 3rd ed. Boston: McGraw-Hill.

- Cushman, G., & Laidler, A. (1990). *Recreation, Leisure and Social Policy*. Canterbury, NZ: Lincoln University.
- Dumazedier, J. (1974). *Sociology of leisure*. Amsterdam: Elsevier.
- Furnivall, J.S. (1967). *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holdgate, M. W. (1979). *A Perspective of Environment Pollution*. England, UK: Cambridge University Press.
- Official Website of Sibu Municipal Council. (2019). *Location of Sibu*. Dimuat turun daripada <https://www.smc.gov.my/page-0-158-45-Lokasi-Sibu.html>
- Portal Rasmi Jabatan Alam Sekitar. (2019). *Laporan Jabatan Alam Sekitar*. Dimuat turun daripada <https://www.doe.gov.my/portalv1/awam/maklumat-umum/laporan-jabatan-alam-sekitar>
- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Penduduk dan Demografi*. Dimuat turun daripada [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctwoByCat&parent\\_id=115&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctwoByCat&parent_id=115&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09)
- Sarawak Tourism Board. (2019). Event-Sarawak More to Discover. Dimuat turun daripada [https://sarawaktourism.com/events/list/?tribe\\_paged=1&tribe\\_event\\_display=past&tribe-bar-search=sibu](https://sarawaktourism.com/events/list/?tribe_paged=1&tribe_event_display=past&tribe-bar-search=sibu)
- Soemardjan, S. (1974). *Setangkai Bunga Sosiologi*. Jakarta, INA: Lembaga Penerbitan Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.
- Teppo, Y. (2018, November 21). Kemudahan di Pasar Umum Sandakan dibaiki segera. *Utusan Borneo Sabah*. Dimuat turun November 21, 2018, daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20181121/281547996933875>
- Zachary, W.B. & Kuzuhara, L.W. (2005). *Organizational behavior: Integrated models and applications*. US: Thomson South-Western.
- Zakinan, N. F., & Mamat, A. (2019, Februari 18). Kebersihan Melaka perlu ditingkatkan. *Berita Harian Online*. Dicapai February 18, 2019, dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/532258/kebersihan-melaka-perlu-ditingkatkan>.